# Carta Aliran & Manual Permohonan
# PROSIDUR PERMOHONAN PELAN 8 JAM

PROSES 1 – KHIDMAT NASIHAT

PROSES 2 – PERMOHONAN

PROSES 3 – KELULUSAN




1) JKB - Jabatan Kawalan Bangunan
2) JPPY - Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
3) 
4) OSC - One Stop Centre
5) PSP - Principal Submitting Person (Arkitek / Pelukis Pelan)

**PROSES 1**

1) PSP hendaklah menghadirkan diri ke Kaunter JKB bagi melalui sesi khidmat nasihat terlebih dahulu sebelum mengemukakan Pelan Bangunan 8 jam.
2) Dalam sesi khidmat nasihat , PSP perlu membawa pelan dan dokumen yang lengkap sebagaimana di dalam Senarai Semak Khidmat Nasihat (Borang L1 & L2) dan PSP hendaklah berjumpa pegawai yang bertanggungjawab sahaja bagi semakan pelan dan mendapatkan Perakuan Khidmat Nasihat dan Cop Semakan yang akan dicop pada pelan linen.
3) Pegawai yang bertanggungjawab Pelan 8 Jam:
   a) Pegawai JKB – En Badrul dan Pn Yuwana
   b) Pegawai JPPy – En Tarmizi dan Pn Asmaliza

**PROSES 2**

1) Selepas mendapat Perakuan L1 & L2 dan juga Cop Semakan, PSP hendaklah mengisi maklumat dan muat turun dokumen dan pelan ke OSC Online sebelum mengemukakan Pelan Bangunan 8 Jam ke Kaunter JKB. PSP hendaklah 'print' kenyataan yang mana telah berjaya mengisi di OSC Online.
2) Pegawai teknikal yang bertugas pada hari berkenaan akan menyemak semula dokumen dan pelan sebagaimana Senarai Semak Pelan 8 Jam. Sekiranya tidak lengkap, permohonan berkenaan akan ditolak dan sekiranya lengkap permohonan tersebut akan didaftarkan dan resit bayaran akan dikeluarkan.
3) PSP hendaklah menjelaskan bayaran yang dikemukakan iaitu Bayaran Caj Perkhidmatan, Fi Kerja Tanah, Bayaran Sumbangan Perparitan dan Papan Tanda. Kegagalan tidak menjelaskan bayaran, permohonan tersebut tidak akan diproses.
4) Bayaran boleh dibuat di Kaunter Bayaran Tingkat 4 MBKT

**PROSES 3**

1) PSP boleh mengambil kelulusan dan surat kelulusan di Kaunter JKB pada masa yang ditetapkan.
2) Wakil PSP boleh ambil pelan dan surat kelulusan dengan mengemukakan Surat Wakil.
3) Papan tanda sementara akan diberikan pada masa tersebut dan perlu ditampalkan pada tapak pembinaan.
4) Selepas seminggu kemudian, PSP hendaklah mengambil papan tanda yang sebenar di Unit OSC.